



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12.00 tengah hari, 5 Ogos 2025

Untuk Terbitan Media
5 Ogos 2025

SIARAN MEDIA

KONGRES SOCIAL SYNERGY 2025 MANTAPKAN EKOSISTEM PERLINDUNGAN SOSIAL NEGARA MELALUI KOLABORASI STRATEGIK

KUALA LUMPUR: Memorandum Kerjasama (MoC) antara Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bersama tiga rakan strategik diyakini berupaya memperkukuh matlamat ke arah membina sistem perlindungan sosial yang menyeluruh, terangkum dan mampan.

Pemeteraian MoC sempena Kongres Sinergi Sosial, hari ini melibatkan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) dan One Hope Welfare & Charity.

Asas kerjasama PERKESO dengan PERDA, YPKDT dan One Hope Welfare & Charity antara lain meliputi penyaluran prospek penerima bantuan secara rentas agensi; perkongsian dan pepadanan data secara bersasar; serta pemerkasaan modal insan melalui pembangunan kemahiran dan sokongan sosioekonomi.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, menegaskan bahawa corak bekerja dalam kepompong atau secara 'silo' di Malaysia perlu berubah, dengan setiap agensi beralih daripada mengamalkan budaya 'agensi eksklusif' kepada budaya 'sistem kolaboratif'.

"Program Social Synergy ini amat selari hasrat kerajaan MADANI iaitu menjadikan dasar-dasar sosial lebih manusiawi, lebih responsif dan lebih berteraskan rakyat.

"Malah, ia bukan sekadar slogan tetapi ikhtiar strategik untuk mengimbangi pembangunan material dengan kesejahteraan insan," katanya ketika menyampaikan ucapnama perasmian Kongres Sinergi Sosial 2025, di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Azman Mohd Yusof; Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dato' Seri Sollehuddin Alyubi Zakaria; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed; Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Strategik ICU JPM, Dato' Norashikin Haji Ishak dan Pengarah Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC), Universiti Malaya, Profesor Datuk Norma Mansor.

Dalam pada itu, Shamsul Azri turut berkongsi perangkaan eKasih ICU JPM setakat 31 Disember tahun lalu yang merekodkan lebih 390,000 ketua isi rumah dikategorikan sebagai miskin, termasuk hampir 1,800 ketua isi rumah miskin tegar.

Sehubungan itu, beliau menaruh keyakinan pendekatan kerjasama dalam kalangan 117 agensi, dengan penyertaan 862 pemimpin masyarakat dari seluruh negara dapat memastikan lebih ramai individu yang memerlukan dapat disantuni dan dibantu.

“Kejayaan ini bukan sekadar memberi manfaat kepada penerima bantuan, malah memperkuat keupayaan agensi pelaksana dalam menyampaikan perkhidmatan secara lebih bersepadu, cekap dan berkesan,” ujarnya.

Sejak kali pertama dianjurkan pada 2023, Kongres *Social Synergy* edisi ketiga yang dihadiri lebih 400 peserta pada tahun ini mengangkat tema ‘Budaya atau Proses’, dengan tujuan mengupas kepentingan menggabungkan budaya kemanusiaan dengan sistem penyampaian yang cekap.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one left behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
5 Ogos 2025**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Ikhlil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatimah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my